

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

TICKET TO VICTORY

SAINS

TINGKATAN 4

**FORMAT KSSM
MULAI 2021**

SEKTOR PEMBELAJARAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan ***Ticket to Victory*** yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5 mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sains Teras, Matematik, Matematik Tambahan, Biologi, Fizik dan Kimia berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021.

Ticket to Victory disediakan dalam bentuk *pdf* dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM.

Justeru itu, diharap penggunaan ***Ticket to Victory*** dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “***We Deliver***”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603
Faks : 05 – 292 3851
2021






Seuntai Bicara, Segunung Harapan
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya, penghasilan bahan *Ticket to Victory* dapat direalisasikan oleh bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Ini merupakan usaha murni hasil kejayaan kolaboratif akrab antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak khasnya Sektor Pembelajaran dan guru-guru pakar negeri Perak dalam menterjemahkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan dan melahirkan murid holistik yang dapat menguasai kemahiran serta kelayakan dalam persaingan dunia realiti. Saya berharap penghasilan *Ticket to Victory* dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru-guru subjek dalam usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dalam peperiksaan SPM di negeri Perak. *Ticket to Victory* ini adalah bahan sokongan alternatif yang boleh digunakan oleh murid untuk meneruskan pembelajaran secara *online* atau *offline* semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dikuat kuasa kerana pandemik Covid 19 sedang melanda dunia pada hari ini. Dalam suasana pandemik Covid 19 ini guru-guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam meneruskan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Sains dan Matematik adalah satu bidang ilmu yang berkembang seiringan dengan perkembangan teknologi digital dan penciptaan aplikasi baharu yang semakin pesat pada hari ini. Ilmu Sains dan Matematik sentiasa berubah dan mengikut arus pemodenan berdasarkan kajian yang dilakukan, seterusnya penemuan pelbagai teknologi terkini seperti mikroelektrik, mikroip dan pendigitalan. Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), generasi muda khususnya perlu menguasai bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*. Hal ini dapat melahirkan modal insan yang mahir di dalam bidang teknologi masa hadapan yang menjadi teras dalam IR 4.0 yang memerlukan generasi berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan menghadapi cabaran teknologi baharu yang lebih kompleks. Selain daripada itu, dunia *Volatility, Uncertainty, Complexity, and Ambiguity (VUCA)* juga memerlukan generasi yang berdaya tahan, bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, malah memulakan atau mencetuskan teknologi. STEM adalah satu bidang untuk memudahkan kehidupan masyarakat. Pelbagai penciptaan baharu dapat dihasilkan menerusi penerokaan STEM, tanpa melupakan aspek akal budi yang juga teras ketamadunan bangsa.

Akhir kata, bersama-samalah kita berdoa agar bahan *Ticket to Victory* dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada murid-murid yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini. Sekian, terima kasih.


DR. MOHD SUHAIMI B. MOHAMED ALI, PCM
Pengarah Pendidikan Negeri Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



Cetusan Rasa, Pemangkin Minda
TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN,
SEKTOR PEMBELAJARAN,

Assalamualaikum dan salam sejahtera warga pendidik di negeri Perak. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya kita warga pendidik dapat terus berkarya demi kelangsungan pendidikan anak-anak bangsa khususnya di negeri Perak. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang sangat komited memartabatkan pendidikan di negeri ini dengan melaksanakan pelbagai program kecemerlangan akademik terutamanya dalam usaha meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menjelang tahun 2021 bermulalah cabaran baharu guru-guru dan murid-murid menengah atas apabila pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kini telah mula dilaksanakan di tingkatan 5. Rentetan daripada itu, format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mula diperkenalkan sejajar dengan pengenalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kami menyedari bahawa dalam mendepani sesuatu yang baharu pasti banyak cabaran yang perlu dilalui, antaranya kekurangan bahan rujukan, kekurangan soalan-soalan contoh dan mungkin kefahaman dalam kalangan guru dan murid yang belum mendalam khususnya tentang format baharu mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan SPM. Oleh hal yang demikian, bidang Matematik dan Sains telah mengambil inisiatif membentuk pasukan *Think Tank* bagi subjek Matematik, Sains Teras, Fizik, Kimia, Matematik Tambahan dan Biologi sebagai kesiapsiagaan membantu murid-murid menghadapi SPM KSSM. Hasilnya tercetuslah idea untuk menyediakan bahan *Ticket to Victory* yang merupakan bentuk soalan topikal merangkumi sukatan kandungan KSSM di Tingkatan 4 dan 5.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada pasukan *Ticket to Victory* bidang Matematik dan Sains yang berjaya menghasilkan soalan-soalan topikal sebagai rujukan guru dan murid menengah atas yang akan menghadapi peperiksaan SPM pada tahun ini. Semoga ilmu yang sedikit ini jika dikongsi pasti bercambah dan bertambah, serta memberikan manfaat kepada warga pendidikan di negeri Perak.


HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Penghargaan

Bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Merakamkan Setinggi-tinggi Penghargaan Dan Terima Kasih Kepada

DR. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI, PCM
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP
TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN
SEKTOR PEMBELAJARAN

EN. ANAS BIN MOHAMMAD SUFFIAN
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN MATEMATIK DAN SAINS

EN. AHMAD REZAUDIN BIN HUSSEIN
KETUA PENOLONG PENGARAH MATEMATIK DAN SAINS

DR. NAJIHAH BINTI MUSTAFFA
PENOLONG PENGARAH MATEMATIK DAN SAINS

Sehingga Berjaya Menerbitkan
BAHAN *TICKET TO VICTORY* SAINS

PENGGUBAL :



SHAHROL SAEFFY B.

AHMAD SHATAR, SMK SIMPANG I

AZNIN AWANIS BT. AZMI, SMK SENTOSA I

SHARIZAL AZRAIND B. SABRUN, SMK SERI SETIA I AMLA

SAEDAH BT. ABDUL RAHMAN, SMK RAJA LOPE NOR RASHID I

NORMI AZNIDA BT. AHMAD NAJMI, SMK HUA LIAN I ZAKIAH BT. ABD

JABAR, SMK DATO' IDRIS I HAZNI BT. AHMAD, SMK PANGKALAN TLDM LUMUT I

NOOR NADIAH BT. MOHD NASIR, SABK MAAHAD AL-UMMAH I MOHD AZRIL B. MOHD

AZLAN, SMK MALIM NAWAR I NADZRUL FITHRI B. AHMAD SATIBI, SMK KHIR JOHARI I AHMAD

NAWAWI B. MUSA, SMK PENGKALAN HULU I NORHAMILI BT. IBRAHIM, SABK MAAHAD AL-MAARIF

AL-ISLAMIAH I NOOR AZMAH BT. ABD HADI. SMK TAMAN TASIK I NOR ALIZA BT. AZNAM. SMK DATO' HAJI TAIB

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021
MATA PELAJARAN SAINS (1151)

Bil.	Perkara	Kertas 1 (1511/1)	Kertas 2 (1511/2)
1	Jenis instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis item	Objektif Aneka Pilihan	• Subjektif Berstruktur • Subjektif Respon Terhad • Subjektif Respon Terbuka
3	Bilangan soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab semua soalan)	Bahagian A: (20 markah) • 4 item (Jawab semua soalan) Bahagian B: (38 markah) • 6 item (Jawab semua soalan) Bahagian C: (22 markah) • 1 item (10 markah) dan • 2 item (12 markah) (Jawab satu soalan)
4	Jumlah Markah	40 markah	80 markah
5	Konstruk	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konstruk	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	

Senarai Elemen / Konstruk dan Aspek yang Ditaksir

KOD ELEMEN	ELEMEN	KOD ASPEK	ASPEK
SS01	Kemahiran Proses Sains	SS 0101	Memerhati
		SS 0102	Mengelas
		SS 0103	Mengukur dan Menggunakan Nombor
		SS 0104	Membuat Inferens
		SS 0105	Meramal
		SS 0106	Berkomunikasi
		SS 0107	Menggunakan Perhubungan Ruang dan Masa
		SS 0108	Mentafsir Data
		SS 0109	Mendefinisi Secara Operasi
		SS 0110	Mengawal Pemboleh Ubah
		SS 0111	Membuat Hipotesis
		SS 0112	Mengeksperimen
SS02	Kemahiran Manipulatif	SS 0201	Menggunakan dan Mengendalikan Peralatan Sains dan Bahan
		SS 0202	Mengendalikan Spesimen
		SS 0203	Melakar Spesimen, Bahan dan Peralatan Sains
		SS 0204	Membersihkan Peralatan Sains
		SS 0205	Menyimpan Peralatan Sains dan Bahan
SS03	Sikap Saintifik dan Nilai Murni	NS 0101	Mengamalkan Sikap Saintifik dan Nilai Murni
PS01	Mengingat	PS 0101	Perkara khusus atau spesifik
		PS 0102	Pengetahuan tentang cara mengendalikan perkara khusus atau spesifik
		PS 0103	Pengetahuan tentang perkara universal dan abstrak
KS01	Memahami	KS 0101	Penterjemahan
		KS 0102	Pentafsiran
		KS 0103	Ekstrapolasi
		KS 0104	Pemahaman tentang perkara universal dan abstrak
KS02	Mengaplikasi	KS 0201	Aplikasi pengetahuan Sains Tambahan
		KS 0202	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KS03	Menganalisis	KS 0301	Analisis unsur-unsur
		KS 0302	Analisis Perkaitan
KS04	Menilai	KS 0401	Menilai berdasarkan evidens dalaman
KS05	Mencipta	KS 0501	Menyelesaikan masalah dengan idea baharu
		KS 0502	Mencipta produk atau idea baharu

BAB 1 : LANGKAH KESELAMATAN DI DALAM MAKMAL

KERTAS 1

1. Peralatan perlindungan diri yang berikut, digunakan di dalam makmal sekolah **kecuali?**
*The following personal protective equipment are used in the school laboratory **except***

- | | |
|-----------------------------------|---|
| A Kot makmal
<i>Lab coat</i> | C Topi keselamatan
<i>Safety helmet</i> |
| B Topeng muka
<i>Face mask</i> | D Sarung tangan getah
<i>Rubber gloves</i> |

Konstruk : Mengingat

2. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi gogal?
Which of the following is the function of goggle?

- | |
|--|
| A Melindungi mata daripada kepenatan
<i>Protect eye from fatigue</i> |
| B Melindungi mata daripada sinar ultraungu
<i>Protect eyes from ultraviolet rays</i> |
| C Melindungi mata daripada terkena bahan kimia berbahaya
<i>Protect eyes from harmful chemicals</i> |
| D Melindungi muka daripada terkena bahan kimia berbahaya
<i>Protect face from harmful chemicals</i> |

Konstruk : Mengingat

3. Antara bahan berikut, yang manakah perlu dikendalikan di dalam kebuk wasap?
Which of the following substances should be handled in fume chamber?

- | | |
|--|---|
| A Etanol
<i>Ethanol</i> | C Larutan ammonia
<i>Ammonia solution</i> |
| B Air suling
<i>Distilled water</i> | D Asid hidroklorik pekat
<i>Concentrated hydrochloric acid</i> |

Konstruk : Mengingat

4. Antara bahan berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bahan yang boleh dibuang ke dalam singki?
Which of the following is the characteristic of material that can be disposed into sink?

- | | |
|--|---|
| A Bahan yang reaktif
<i>Reactive materials</i> | C Mempunyai nilai pH 10
<i>Has a pH value of 10</i> |
| B Mempunyai nilai pH 6
<i>Has a pH value of 6</i> | D Sebatian pelarut organik
<i>Organic solvent compound</i> |

Konstruk : Mengingat

5. Semasa sekumpulan murid menjalankan eksperimen di makmal, sebatang termometer merkuri telah jatuh ke lantai dan pecah. Antara tindakan berikut, yang manakah **tidak** sepatutnya dilakukan oleh murid tersebut?
While a group of students were conducting an experiment in the school laboratory, a mercury thermometer was accidentally dropped onto the floor and broken into pieces. Which of the following actions should not be taken by the students?

- A Maklumkan kepada guru dengan segera
Inform the teacher immediately
- B Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan
Make the spillage area a restricted area
- C Kutip serpihan kaca dan tumpahan merkuri menggunakan tangan
Collect the fragments of glass and mercury spillage with bare hands
- D Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan
Cover the spillage with sulphur powder

Konstruk : Mengingat

6. Bagaimanakah sisa biologi seperti darah perlu dilupuskan?
How does biological waste such as blood should be disposed?

- A Dimasukkan ke dalam bekas khas
Put into special container
- B Dibuang ke dalam tong sampah
Disposed into dustbin
- C Dinyahkontaminasi secara autoklaf
Decontaminating by autoclave
- D Dibalut di dalam tisu dan disejukbekukan
Wrap in tissue and freeze it

Konstruk : Mengingat

7. Apakah jenis pemadam kebakaran yang boleh memadamkan kebakaran melibatkan peralatan elektrik?
What types of fire extinguisher can put out fire involving electrical appliances?

- A Air
Water
- B Buih dan air
Foam and water
- C Serbuk kering dan buih
Dry powder and foam
- D Karbon dioksida dan serbuk kering
Carbon dioxide and dry powder

Konstruk : Mengingat

8. Apakah kebaikan pemadam api ABC?
What is the advantage of ABC fire extinguisher?
- A Ringan
Light
 - B Mudah diselenggara
Easy to maintain
 - C Hanya perlu disembur sekali sahaja
Only needs to be sprayed once
 - D Boleh memadamkan kebakaran jenis cecair sahaja
Can extinguish liquid type of fire only

Konstruk : Mengingat

9. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya bahagian badan seseorang terbakar?
What should you do if a part of one's body is on fire?
- A Guna air untuk memadamkan api
Use water to put out the fire
 - B Sembur dengan buih
Spray with foam
 - C Selimutkan dengan selimut kebakaran
Cover with fire blanket
 - D Guna pasir untuk memadamkan api
Use sand to put out the fire

Konstruk : Mengaplikasi


10. Sekolah anda telah didatangi oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan audit ke atas alat pemadam kebakaran. Berikut ialah perkara yang diperiksa **kecuali**
*An officer from the State Education Department has come to your school to perform an audit on fire extinguishers. The following items are examined by the officer **except***
- A tarikh luput pemadam kebakaran
expiry date of fire extinguishers
 - B jenis pemadam kebakaran
types of fire extinguishers
 - C bilangan pemadam kebakaran
number of fire extinguishers
 - D pembekal pemadam kebakaran
supplier of fire extinguishers

Konstruk : Mengingat

KERTAS 2**Bahagian B**

1. Rajah 1 menunjukkan alat pemadam kebakaran yang biasa dijumpai di kawasan sekolah.

Diagram 1 shows fire extinguishers commonly found in school area.



Rajah 1
Diagram 1

- a) Nyatakan warna label bagi pemadam kebakaran X dan Y.
State the colour of the labels for X and Y fire extinguishers.

X :

Y :

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- b) Berdasarkan rajah, nyatakan **satu** pemadam api yang boleh memadam kebakaran yang melibatkan minyak masak.

*Based on diagram, state **one** fire extinguisher that can extinguish fires involving cooking oli.*

.....

[1 markah]

Konstruk : Memahami

- c) Untuk menggunakan alat pemadam kebakaran, pin keselamatan perlulah ditarik terlebih dahulu. Labelkan dengan huruf P pada pin keselamatan dalam mana-mana rajah di atas.

To use a fire extinguisher, the safety pin must be pulled first. Label with letter P on the safety pin in any of the diagram above.

[1 markah]

Konstruk : Mengingat

- d) Senaraikan **dua** perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan audit alat pemadam kebakaran di sekolah.

List **two** things that should be kept in mind when conducting a fire extinguisher audit at school.


i)

ii)

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

2. Rajah 2 menunjukkan satu kebakaran yang sering berlaku di rumah.
Diagram 2 shows a fire that normally occurs at home.



Rajah 2
Diagram 2

- a) Apakah punca kebakaran di atas?
What is the cause of the fire?

.....

[1 markah]

Konstruk : Memahami

- b) Apakah jenis pemadam kebakaran yang paling sesuai digunakan untuk kebakaran tersebut?
What type of fire extinguisher is most suitable to put out the fire?

.....

[1 markah]

Konstruk : Memahami

- c) Apakah jenis pemadam kebakaran yang tidak sepatutnya digunakan bagi kebakaran yang ditunjukkan dalam Rajah 2? Jelaskan jawapan anda.
What type of fire extinguisher should not be used for the fire shown in Diagram 2?
Explain your answer.

.....

.....[2 markah]

Konstruk : Memahami

- d) Nyatakan **dua** perkara yang perlu ditekankan semasa audit alat pemadam kebakaran.
State **two** things that should be emphasised during the auditing of fire extinguishers.

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

Bahagian C


3. Pelupusan sisa biologi di makmal perlu dilakukan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (POS) untuk mengelakkan kemudaratan kepada persekitaran dan manusia.
Disposal of biological waste in the laboratory need to be carry out based on Standard Operating Procedures (SOP) to avoid harm to the environment and humans.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan bahan sisa biologi?
What is meant by biological waste substance?

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- b) Rajah 3 menunjukkan empat kategori bahan sisa.
Diagram 3 shows four categories of waste substance.



Rajah 3
 Diagram 3

- Terangkan kaedah pelupusan bahan sisa kategori A dan D.
Explain the disposal method for waste substances category A and D.

[4 markah]

Konstruk : Menganalisis

- c) Huraikan kesan pembuangan bahan sisa biologi yang tidak terurus kepada manusia dan persekitaran.
Describe the effects of improper disposal of biological waste on human and environment.

[6 markah]

Konstruk : Menilai

4. a) Apakah yang dimaksudkan dengan alat perlindungan diri?
What is meant by personal protective equipment?

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- b) Rajah 4 menunjukkan beberapa peralatan perlindungan diri.
Diagram 4 shows a few personal protective equipment



Rajah 4
 Diagram 4

Berdasarkan rajah diatas, bina konsep peralatan perlindungan diri. Jawapan anda hendaklah meliputi aspek berikut :

Based on the above diagram, build a concept of personal protective equipment. Your answer must include the following aspects:

- (i) Kenal pasti maklumat dari rajah di atas.
Identify information from the above diagram.

[1 markah]

Konstruk : Memahami

- (ii) Kenap pasti **dua** ciri sepunya peralatan perlindungan diri.
Identify two common characteristics of personal protective equipment.

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- (iii) Berikan **satu** contoh lain peralatan perlindungan diri dan **satu** bukan contoh peralatan perlindungan diri.

*Give **one** other example of personal protective equipment and one non-example of personal protective equipment.*

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- (iv) Hubung kait ciri sepunya untuk membina konsep peralatan perlindungan diri.
Relate the common characteristics to build a concept of personal protective equipment.

[1 markah]

Konstruk : Mengaplikasi

- c) Nyatakan **dua** jenis alat pemadam kebakaran dan terangkan kegunaannya.
*State **two** types of fire extinguishers and explain their functions.*

[4 markah]

Konstruk : Memahami

BAB 2 : BANTUAN KECEMASAN
CHAPTER 2 : EMERGENCY HELP

KERTAS 1
Paper 1

1. Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) merupakan bantuan kecemasan awal bagi mangsa lemas. Apakah definisi CPR?

Cardiopulmonary resuscitation (CPR) is an initial first aid for drowning victims. What is the definition of CPR?

- A** Bantuan kecemasan
Emergency help
- B** Teknik hembusan pernafasan mulut ke mulut
Mouth-to mouth breathing technique
- C** Gabungan teknik tekanan di bahagian dada dan pernafasan mulut ke mulut
A combination of chest compression and mouth-to-mouth breathing techniques
- D** Gabungan teknik tekanan di bahagian perut dan menyentak ke atas dengan kuat
A combination of pressure on the abdomen and jerking upward with quick force technique

Konstruk : Mengingat

2. Rajah 1 menunjukkan langkah di dalam menjalankan satu kaedah pertolongan cemas. *Diagram 1 shows the step in performing an technique of emergency help.*



Rajah 1
 Diagram 1


Apakah keadaan yang membolehkan pertolongan cemas ini dilakukan kepada mangsa?

What condition allows this emergency help to be performed on a victim?

- A** Tiada degupan jantung atau nadi
No heartbeat or pulse
- B** Sakit tekak dan sukar bernafas
Sore throat and difficulty breathing
- C** Tercekik dan tidak boleh bercakap
Choked and unable to speak
- D** Demam dan batuk
Fever and cough

Konstruk : Memahami

3. Carta menunjukkan kaedah CPR yang betul kepada orang dewasa.
The chart shows the correct CPR method for adults.



Apakah kaedah kecemasan yang perlu dilakukan pada X?
What is the emergency method to be performed on X?

- A Memeriksa pernafasan mangsa
Check the victim's breathing
- B Menepuk bahu mangsa dan memanggil mangsa
Tap the victim's shoulder and ask the victim
- C Mengubah posisi mangsa dalam keadaan mengiring
Changing the victim's position to lying side
- D Tekanan dada dilakukan pada kadar 100-120 tekanan per minit
Chest compression are performed at a rate of 100-120 compression per minute.

Konstruk : Memahami

4. Mengapakah CPR penting?
Why is CPR important?

- A menyediakan bekalan darah dan oksigen
Provide blood and oxygen supply
- B Membantu mangsa bercakap dengan lancar
Help the victim speak fluently
- C mengekalkan degupan jantung yang terhenti
Maintaining a stopped heartbeat
- D Memulihkan sistem pencernaan mangsa tercekik
Restores the digestive system of the choked victim

Konstruk : Mengingat

5. Bantuan kecemasan seperti Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) hanya boleh dilakukan oleh individu berikut
The emergency help such as Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) can only be performed by the following individuals

- A Paramedik sahaja
Paramedic only
- B Guru Sains sahaja
Science Teacher only
- C Doktor perubatan sahaja
Medical doctor only
- D Semua individu yang tahu akan teknik CPR yang betul
All individuals who know the proper CPR techniques.

Konstruk : Mengingat

6. *Heimlich Manoeuvre* dilakukan kepada mangsa yang
Heimlich Manoeuvre are performed on the victim that
- A Lemas dalam sungai
Drowning in the river
 - B Tercekik semasa makan
Choking while eating
 - C Terkena panahan petir dan kilat
Hit by lightning and lightning strikes
 - D Cedera parah akibat kemalangan
Severely injured in an accident

Konstruk : Mengingat

7. Richard sedang makan di sebuah restoran dan secara tiba-tiba dia berdiri sambil memegang leher dengan kedua-dua tangannya dan terbatuk-batuk. Apakah kemungkinan yang terjadi sekiranya bantuan kecemasan lambat diberikan?
Richard was eating in a restaurant and suddenly he stood up holding his neck with both his hands and coughed. What are the possibilities if the first aid is provided late?
- A Pingsan
Fainted
 - B Dehidrasi
Dehydration
 - C Kelumpuhan
Paralysis
 - D Kerosakan otak
Brain damage

Konstruk : Mengaplikasi

8. Bagaimanakah anda boleh lakukan *Heimlich Manoeuvre* kepada wanita hamil yang tercekik?
How can you do Heimlich Maneuver to a choked pregnant woman?
- A Memastikan mangsa berbaring di permukaan rata
Make sure the victim is lying flat on a surface
 - B Memastikan kedudukan tangan lebih tinggi untuk sentakan
Ensure hand position higher for jerks
 - C Memastikan tekanan dada dilakukan pada kadar 100-120 tekanan per minit
Ensure chest compression are performed at a rate of 100-120 compression per minute.
 - D Memastikan mangsa berdiri sambil memegang kerusi dan menolak badan sepenuh tenaga
Keep the victim standing while holding the chair and pushing the body with full force

Konstruk : Mengaplikasi

9. Anda sedang berlari mengelilingi taman dan terlihat seorang lelaki tiba-tiba rebah lalu pingsan. Apakah langkah pertama yang perlu anda ambil apabila berhadapan dengan situasi itu?
You are running around the park and see a man suddenly collapses and unconscious. What is the first step you need to take when faced with the situation?
- A Menelefon talian kecemasan 999
Contact the 999 emergency line
 - B Memberikan bantuan pernafasan mulut ke mulut

Provide mouth-to-mouth resuscitation

- C** Mengejutkan mangsa dengan menepuk bahunya dan bertanya “anda ok?”
Attend to the victim and tap the shoulder and ask “are you okay?”
- D** Meninggalkan mangsa untuk diselamatkan oleh orang lain yang berdekatan
Leave the victim to be rescued by other person nearby

Konstruk : Memahami

10. Antara berikut, yang manakah kaedah yang betul untuk melakukan *Heimlich Manoeuvre* ?

Which of the following is the correct method to perform a *Heimlich Manoeuvre* ?

- A** Memberitahu guru dan pembantu makmal
Inform teachers and laboratory assistants
- B** Melakukan teknik tekanan dada dan bantuan pernafasan mulut ke mulut
Perform chest pressure and mouth to mouth resuscitation techniques
- C** Menggunakan sebatang kayu atau sudu untuk mencungkil keluar makanan tersangkut
Use a stick or spoon to dig out the blocked food
- D** Meletakkan genggam tangan kanan di antara pusat dengan tulang rusuk mangsa dan menyentak ke atas dengan kuat
Place the right hand fist between the navel and the victim’s ribs and jerk powerful upwards

Konstruk : Mengingat

KERTAS 2

Paper 2

Bahagian B Section B

1. Rajah 2 menunjukkan kaedah bantuan kecemasan X.
Diagram 2 shows X emergency help’s procedures.



Rajah 2
Diagram 2

- a) Namakan kaedah bantuan kecemasan X di atas.
Name the X emergency help’s procedures above

[1 Markah]

Konstruk : Memahami

- b) (i) Nyatakan satu keadaan yang menyebabkan seseorang itu memerlukan bantuan kecemasan di atas.

State a condition that cause a person to need emergency help above.

.....

[1 Markah]

Konstruk : Mengingat

- (ii) Nyatakan dua teknik gabungan yang terlibat dalam bantuan kecemasan tersebut.

State two combination technique involved in emergency help above.

1.

2.

[2 Markah]

Konstruk : Mengingat

- c) Kaedah ini dilakukan bagi menghasilkan peredaran darah secara buatan. Apakah kesan sekiranya tiada orang yang sanggup memberikan bantuan dengan segera?

This procedure is done to produce blood circulation artificially. What is the affect if no one is willing to provide the help immediately?

.....

[1 Markah]

Konstruk : Memahami

- d) Tandakan (✓) bagi punca-punca keadaan yang memerlukan bantuan kecemasan. Tick (✓) for the cause of the situation that require an emergency help.

Panahan Petir <i>Lightning struck</i>	Tercekik makanan <i>Choking Food</i>	Terkena tumpahan bahan kimia <i>Exposed to chemical spillages</i>

[1 Markah]

Konstruk : Mengingat

2. Kaji pernyataan di bawah.
Study the statement below.

Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun maut dipercayai akibat tercekik gula-gula jenis jeli di Labuan
A four-year-old boy dies after choking on a piece of 'jelly' candy in Labuan

-Malaymail 22 May 2020

- a) Bagaimanakah keadaan tercekik boleh berlaku pada kanak-kanak lelaki itu? Terangkan.

How choking can happen to the boy?. Explain

.....

[2 markah]

Konstruk : Memahami

- b) Namakan teknik yang boleh digunakan bagi menyelamatkan mangsa yang tercekik. *Name the technique that can be used to rescue a choked victim.*

.....

[1 markah]

Konstruk : Mengingat

- c) Kumpulan umur bayi dan kanak-kanak berisiko tinggi untuk tercekik objek asing. Wajarkan.

Infants and children are at the high risk for choking on foreign objects. Justify it.

.....

[1 Markah]

Konstruk : Menilai

- d) Berikut merupakan langkah yang terdapat dalam *Heimlich Manoeuvre* bagi bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun..

The following are the procedures found in the Heimlich Manoeuvre for infants less than 1 year old.

Ulang langkah-langkah beberapa kali sehingga objek dapat dikeluarkan. <i>Repeat the steps several times so that the object can be removed.</i>	Letakkan mangsa dalam keadaan meniarap ke bawah dengan bahagian dada berada pada sudut 60°. <i>Place the victim in a downwards facing with the chest at an angle of 60°.</i>	Jika tidak berjaya, telentangkan bayi. Tekan bahagian tengah dada bayi sebanyak 5 kali. <i>If not successful, place the baby with the face up. Press the middle part of the baby's chest 5 times.</i>	Tepuk dengan kuat pada bahagian hadapan badan mangsa dengan pangkal tapak tangan sebanyak 5 kali. <i>Pat the back of the victim's body hard with the heel of the palm 5 times.</i>
	1		

Susun langkah-langkah berikut mengikut aturan.
Arrange the correct procedures in order

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

Bahagian C
Section C

3. (a) Resusitasi kardiopulmonari (CPR) ialah sejenis bantuan kecemasan. Apakah yang dimaksudkan dengan CPR?
Cardiopulmonary resuscitation (CPR) is a type of emergency help. What is meant by CPR?

[2 Markah]

Konstruk : Mengingat

- (b) Nyatakan **dua** persamaan dan **dua** perbezaan antara CPR dengan *Heimlich Manoeuvre*.
*State **two** similarities and **two** differences between CPR and the Heimlich Manoeuvre.*

[4 Markah]

Konstruk: Menilai

- (c) Seorang rakan tiba-tiba rebah dan pengsan ketika sedang membetulkan lampu di dalam kelas.

A friend suddenly collapsed and fainted while fixing the lights in the class.

Jika anda berada di tempat kejadian, huraikan kaedah pertolongan cemas yang sesuai digunakan bagi membantu mangsa.

If you are at the scene, describe the first aid procedure to save the victim.

Penerangan anda hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut :

Your explanation should include the following aspects:

- i) Kenal pasti masalah.
Identify the problem.

[1 Markah]

Konstruk : Memahami

- ii) Nyatakan punca bagi kejadian tersebut.
State the possible cause for the occurrence.

[1 Markah]

Konstruk : Mengingat

- iii) Berikan **satu** kepentingan bantuan kecemasan tersebut
*Give **one** importance of the emergency help*

(1 Markah)

Konstruk : Mengingat

- iv) Terangkan kaedah untuk menyelamatkan rakan anda.
Explain the method to save your friend.

[3 Markah]

Konstruk : Mengaplikasi

BAB 3 : TEKNIK MENGUKUR PARAMETER KESIHATAN BADAN
CHAPTER 3: TECHNIQUES OF MEASURING THE PARAMETERS OF BODY HEALTH

KERTAS 1
PAPER 1

1. Kita perlu memastikan suhu badan kita sentiasa berada dalam julat suhu normal.
 Apakah yang dimaksudkan dengan suhu badan?
We need to ensure our body temperature is always in the normal temperature range.
What is Body Temperature?
 - A. Kepanasan badan
Body heat
 - B. Darjah kesejukan dalam badan seseorang
A degree of cold of the human body
 - C. Bahan yang disukat dengan termometer
A thing that measured by thermometer
 - D. Darjah kepanasan dan kesejukan badan manusia
The degree of heat and cold of the human body

Konstruk: Mengingat

2. Rajah 1 menunjukkan satu jenis termometer.
Diagram 1 shows a type of thermometer.



Rajah 1
 Diagram 1

- Apakah fungsi termometer ini?
What is the function of this thermometer?
- A. Digunakan untuk menyukat suhu cecair
Used to measure the temperature of a liquid
 - B. Digunakan untuk menyukat suhu badan melalui dubur
Used to measure body temperature through the anus.
 - C. Digunakan di dalam klinik menyukat suhu persekitaran
Used in clinics to measure surrounding temperature.
 - D. Digunakan di dalam makmal untuk menyukat suhu badan
Used in the laboratory to measure body temperature

Konstruk : Memahami

3. Apakah faktor yang menyebabkan suhu badan melebihi normal?
What are the factors that cause the body temperature to exceed normal?

- A. Makan berlebihan
Excessive eating
- B. Minum berlebihan
Excessive drinking
- C. Terlajak tidur
Overslept
- D. Jangkitan
Infection

Konstruk : Mengingat

4. Antara berikut, yang manakah faktor mempengaruhi kadar denyutan nadi manusia?
Which of the following factors influences the human pulse rate?

- A. Warna kulit
Skin colour
- B. Ketinggian
Height
- C. Aktiviti Fizikal
Physical activity
- D. Berat badan berlebihan
Overweight

Konstruk : Mengingat

5. Rajah 2 menunjukkan satu alat perubatan.
Diagram 2 shows a medical device.



Rajah 2
Diagram 2.

Apakah nama dan kegunaan alat tersebut?
What is the name and use of the device?

Nama <i>Name</i>	Kegunaan <i>Use</i>
A Stetoskop <i>Sthethoscope</i>	Mendengar degupan jantung <i>Hear the heartbeat</i>
B Stetoskop <i>Sthethoscope</i>	Mengukur tekanan darah <i>Measure blood pressure</i>
C Sfigmomanometer <i>Sphygmomanometer</i>	Mengukur aras glukosa dalam darah <i>Measuring blood glucose levels</i>
D Sfigmomanometer <i>Sphygmomanometer</i>	Mengukur tekanan darah <i>Measure blood pressure</i>

Konstruk : Memahami

6. Berapakah bacaan tekanan diastolik (mmHg) bagi individu kategori tekanan darah berisiko?

What is the diastolic pressure's (mmHg) reading for a risk category blood pressure's individual?

- A. 70 – 89 mmHg
- B. 120 – 129 mmHg
- C. 130 – 139 mmHg
- D. 180 - 200 mmHg

Konstruk : Mengingat

7. Antara berikut, manakah kesan yang disebabkan oleh jisim badan berlebihan?

Which of the following is an effect caused by exceeds body mass?

- A. Diabetes mellitus
Diabetes mellitus
- B. Anemia
Anemia
- C. Osteoporosis
Osteoporosis
- D. Anoreksia
Anorexia

Konstruk : Mengingat

8. Selepas jamuan Hari Raya, Razin mendapati bacaan BMI nya ialah 28 kg/m^2 . Ini menunjukkan berat badannya berlebihan. Razin perlu mengawal pengambilan makanan dan menjalankan senaman untuk memastikan berat badannya kembali normal. Berapakah anggaran berat badan yang harus dimiliki oleh Razin untuk memastikan bacaan BMI nya kembali normal? Ketinggian Razin ialah 1.69m.
After the Hari Raya, Razin found that his BMI reading was 28 kg/m^2 . It showed that his weight was exceeds the normal. Razin needs to control his meal intake and exercise to keep his weight back to normal. What is the estimated weight that Razin should have to ensure that his BMI returns to normal? Razin height is 1.69m.

- | | |
|---------|---------|
| A 46 kg | C 70 kg |
| B 50 kg | D 85 kg |

Konstruk : Mengaplikasi

9. Kekurangan jisim badan akan meningkatkan risiko seseorang mendapat masalah kesihatan seperti penurunan daya tahan badan melawan penyakit serta anemia. Apakah masalah kesihatan lain yang mungkin dihadapi oleh seseorang yang kekurangan jisim badan?

Lack of weight will increase a persons risk of getting health problem such as decreased of the body resistance to fight disease and anemia. What are the other health problems may be experience by a person who is underweight ?

- | | |
|---|--|
| A Diabetes melitus
<i>Diabetes melitus</i> | C Strok
<i>Stroke</i> |
| B Kemurungan
<i>Depression</i> | D Komplikasi sendi dan tulang
<i>Joint and bone complications</i> |

Konstruk : Mengingat

10. Apakah cara yang betul untuk mengurangkan jisim badan?

What is the correct way to reduce the body mass?

I Makan mengikut piramid makanan dan Pinggan sihat Malaysia
Eat according to the food pyramid and Malaysian Healthy Plate.

II Pantau berat badan enam kali dalam sehari

Monitor your weight six times a day

III. Bersenam secara teratur 30 minit selama tiga kali seminggu

Exercise regularly 30 minutes for three time per week

IV. Makan buah-buahan dan sayur-sayuran sahaja.

Eat fruits and vegetables only

A I dan II

I and II

B I dan III

I and III

C I, II dan III

I, II and III

D Semua di atas

All above

Konstruk : Mengingat

KERTAS 2

Paper 2

Bahagian A

Section A

1. Jadual 1 menunjukkan kadar denyutan nadi dua orang murid selepas melakukan tiga aktiviti berbeza. Murid perlu berada dalam keadaan rehat sebelum melakukan aktiviti seterusnya.

Table 1 shows the pulse rate of two students after performing three different activities.

The students need to be at rest before performing the next activity.

Murid <i>Student</i>	Kadar denyutan nadi seminit <i>Pulse rate in a minute</i>		
	Berehat <i>Resting</i>	Berjalan <i>Walking</i>	Berlari <i>Running</i>
Murid 1 <i>Student 1</i>	64	96	120
Murid 2 <i>Student 2</i>	78	100	126

Jadual 1

Table 1

- a) Berdasarkan jadual 1, nyatakan murid yang mempunyai kadar denyutan nadi yang paling tinggi dalam semua aktiviti.

Based on table 1, state the student that has highest pulse rate in all activity.

.....

[1 markah]

Konstruk : KPS

- b) Nyatakan hubungan antara kadar denyutan nadi dengan jenis aktiviti fizikal.

State the relationship between pulse rate and type of physical activity.

.....

[1 markah]

Konstruk : KPS

- c) Apakah **dua** faktor lain yang mempengaruhi kadar denyutan nadi?
*What the other **two** factors affect the human pulse rate?*

.....
 [2 markah]
 Konstruk : KPS

- d) Padankan jantina bagi murid 1 dan murid 2 berdasarkan keadaan rehat pada jadual 1.
Match the gender of student 1 and student 2 based on resting activity in table 1.

Murid 1
Student 1

Lelaki
Male


Murid 2
Student 2

Perempuan
Female

[1 markah]
 Konstruk : Memahami

Bahagian B
 Section B

2. Rajah 3 menunjukkan dua jenis termometer
Diagram 3 shows two types of thermometers.



Rajah 3
 Diagram 3

- a) Nyatakan nama termometer P dan Q.
State the names of thermometers P and Q.

[2 markah]

Konstruk : Mengingat

- b) Apa kegunaan kedua-dua termometer tersebut ?
What are the uses of these two thermometers?

P :

Q :

[2 markah]

Konstruk : Memahami

- c) Sejak pandemik Covid-19, Najib akan memeriksa suhu badan sebelum memasuki pasaraya . Apakah termometer yang sesuai untuk mengukur suhu badan beliau?
Since the Covid-19 pandemic, Najib will check his body temperature before entering the mall. What is a suitable thermometer to measure his body temperature?
Jelaskan.

.....

.....

[2 markah]

Konstruk : Menilai

- 3 Rajah 4 menunjukkan seorang lelaki dengan Indeks Jisim Badan yang tidak unggul.
Diagram 4 shows a man with undesirable body mass index.



Rajah 4
 Diagram 4

- a) Hitung jisim individu berikut sekiranya dia mempunyai ketinggian 1.70 m dan Indeks Jisim Badan (BMI) 40 kg m^{-2} ?
Calculate the weight of the following individual if he has a height of 1.70m and a Body Mass Index (BMI) of 40 kg m^{-2} ?

$\text{Indeks Jisim Badan (BMI)} = \frac{\text{Jisim badan (kg)}}{(\text{ketinggian})^2 (\text{m}^2)}$	$\text{Body Mass Index (BMI)} = \frac{\text{Body Mass (kg)}}{(\text{Height})^2 (\text{m}^2)}$
--	---

.....

[1 Markah]

Konstruk : Mengaplikasi

- b) Tandakan (✓) bagi kategori BMI lelaki tersebut.
Tick (✓) for the man's BMI categories.

Berlebihan Jisim Badan <i>Overweight</i>	Kurang Jisim Badan <i>Underweight</i>	Obes <i>Obese</i>

[1 Markah]

Konstruk :Memahami

- c) Terangkan masalah kesihatan yang boleh berlaku kepada lelaki itu berkenaan BMI semasanya itu.
Explain the health problems that can happen to the man regarding his current BMI.

.....

[2 Markah]

Konstruk : Memahami

- d) Cadangkan 2 cara yang boleh diambil oleh lelaki tersebut bagi mendapatkan Indeks Jisim Badan yang unggul.
Suggest two ways that the man can take to get an ideal Body Mass Index.

.....

[2 Markah]

Konstruk : Memahami

Bahagian C Section C

4. Kaji jadual 2 yang berikut.
Study the following table 2.

Umur <i>Age</i>	Kadar denyutan nadi (bpm) <i>Pulse rate (bpm)</i>
9 bulan <i>9 month</i>	110
30 tahun <i>30 years</i>	70

Jadual 2
Table 2

- (a) Cadangkan satu hipotesis bagi jadual 2 di atas
Suggest a hypothesis for the table 2 above.

[1 markah]

Konstruk : KPS

- (b) Reka bentuk satu eksperimen untuk menguji hipotesis di 11(a) dengan melibatkan seorang dewasa, seorang bayi dan menggunakan satu jam randik.
Design an experiment to test the hypothesis in 11 (a) by involving an adult, a kid and using a stopwatch.

Huraian anda harus mengandungi aspek berikut:
Your description should include the following aspect:

- (i) Tujuan eksperimen
Aim of the experiment [1 markah]
- (ii) Mengenal pasti pemboleh ubah
Identification of variables [2 markah]
- (iii) Prosedur atau kaedah
Procedure or method [4 markah]
- (iv) Penjadualan data
Tabulation of data [1 markah]
- (v) Ramalkan kadar denyutan nadi seorang remaja berusia 16 tahun
Predict the pulse rate of a 16-year-old teenager. [1 markah]

Konstruk : KPS

5. a) Setelah mendapat nasihat doktor mengenai masalah anemia yang dihadapinya, Nazirah berusaha untuk menambah jisim badannya. Cadangkan cara kepada Nazirah untuk menambahkan jisim badannya.
After getting a doctor's advice on the anemia problem she was facing, Nazirah tried to gain her body mass. Suggest ways to Nazirah to increase her body mass.

[4 Markah]

Konstruk : Mengaplikasi

- b) Obesity merupakan masalah kesihatan awam yang telah meningkatkan kebimbangan masyarakat dunia. Kajian menunjukkan Malaysia menduduki tangga teratas bagi bilangan penduduk obesiti di Asia Tenggara. Terangkan kaedah-kaedah yang boleh diambil bagi mencapai Indeks Jisim Badan (BMI) unggul.
Obesity is a public health problem that has raised concern worldwide. Study shows that Malaysia ranks first at the obese population in Southeast Asian. Explain the methods that can be taken to achieve an ideal Body Mass Index (BMI).

Jawapan anda hendaklah mengandungi perkara berikut:
Your answers should contain the following:

- (i) Kenal pasti masalah
Identify the problem
- (ii) Berikan **dua** punca kepada masalah
*Give **two** causes of the problem*

[1 Markah]

Konstruk : Mengingat

[2 Markah]

Konstruk : Memahami

- (iii) Cadangkan **tiga** cara bagi mengatasi masalah
*Suggest **three** ways to overcome the problem*

[3 Markah]

Konstruk : Mengaplikasi

- (iv) Pilih cara terbaik dan wajarkan
Choose the best way and justify.

[2 Markah]

Konstruk : Menilai

BAB 4: TEKNOLOGI HIJAU DALAM MELESTARIKAN ALAM

KERTAS 1

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Teknologi Hijau?
What is the meaning of Green Technology?
 - A Teknologi moden yang dibangunkan untuk kemajuan
Modern technology that develops for advancement
 - B Teknologi moden yang dibangunkan untuk keuntungan
Modern technology that develops for profit
 - C Pembangunan teknologi moden yang mementingkan alam sekitar
